

PM: RAMAI PENGURUS DIPERLUKAN

3 - 11 1993
KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan memerlukan kerjasama sektor swasta untuk melahirkan lebih ramai pengurus yang cekap bagi mengendalikan pengurusan kewangan dan pentadbiran.

Menurut Perdana Men-

teri, dengan pembangunan pesat di negara ini sekarang, jumlah wang yang dibelanjakan bagi projek-projek pembangunan juga semakin bertambah.

"Ini memerlukan lebih ramai pengurus terlatih dan cekap untuk mengendalikannya," katanya ketika berucap di majlis jamuan Kelab Alumni Harvard Business School di sini, malam ini.

Hubungan

Bellau berkata, pada masa-masa lalu pengurusan kewangan kerajaan dikendalikan oleh pegawai-pegawai kewangannya sendiri, tetapi faedah perbelanjaan besar itu turut dinikmati oleh sektor swasta menerusi kegiatan perniagaan yang wujud darinya.

"Oleh itu, kerajaan memutuskan untuk menyerahkan pengurusan setengah dari urusan ini kepada pihak luar kerana kekurangan tenaga pengurus yang kita hadapi," jelasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin dengan adanya cara-cara baru pengurusan bersifat saintifik, masalah itu dapat diatasi jika sektor swasta menyumbang lebih giat.

Bellau berkata, dengan pelancaran konsep 'Per-

syarikatan Malaysia', kerajaan memerlukan penyertaan sektor swasta bukan sahaja dalam bentuk kerjasama سهالا, tetapi dari kedua-dua belah pihak.

Katanya, kerajaan akan mengadakan lebih banyak dialog dan hubungan dengan sektor itu untuk memahami kehendak mereka serta mengetahui bagaimana cara mereka ingin mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan.

"Kerajaan mahu sektor swasta mencapai kejayaan dan keuntungan dalam perniagaan kerana faedahnya akan turut dirasakan oleh kerajaan melalui cukai-cukai yang dikenakan," tambahnya.

Perdana Menteri kemudian menyampaikan hadiah pingat emas tahunan Kelab Alumni kepada Cik Ying Soo Wai dari Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya, yang terpilih sebagai pelajar terbaik tahun lalu.